

28/06/1999

Cemuhan Entrapment boleh dielak

FILEM adalah media yang mempunyai kuasa yang kuat dalam mempengaruhi hidup masyarakat penontonnya.

Jika sesebuah filem itu dipergunakan untuk menggambarkan keburukan sesuatu negara, maka ia akan memberikan imej yang negatif kepada negara itu sendiri.

Pengarah filem, Shuhaimi Baba berkata, imej buruk Malaysia yang ditampilkan dalam filem Entrapment, baru-baru ini, bukan saja menjatuhkan imej negara, malah ia cuba memburukkan industri filem tempatan.

"Industri filem kita masih baru dan sepatutnya dibantu daripada segi memaparkan imej yang lebih positif. Tindakan ini seolah-olah mahu membunuh industri filem kita yang turut membawa kesan buruk kepada karyawan.

"Mereka seolah-olah menyindir kita sedangkan perkara itu tidak patut terjadi. Di Amerika umpamanya, industri filem negara itu mengeluarkan lebih 100 filem setahun dan apa yang dipaparkan tidak menjejaskan imej negara itu.

"Sedangkan kita setiap tahun hanya lapan hingga 13 filem saja dihasilkan. Sepatutnya ia membantu kita dengan cara memaparkan perkara yang lebih teliti dan betul," katanya.

Dia mengulas Datuk Seri Mahathir Mohamad, baru-baru ini, mengenai aspek negatif yang dipaparkan oleh filem Entrapment arahan Jon Amiel yang ditayangkan di Malaysia, bulan lalu.

Perdana Menteri berkata, gambaran yang tidak tepat dalam filem itu boleh menyebabkan penonton di negara kaya beranggapan Malaysia sebagai negara membangun yang membazirkan wang rakyat dengan membina monumen besar.

"Menerusi filem, sesuatu bangsa boleh membenci bangsa yang lain. Inikan pula filem seperti Entrapment yang benar-benar memberikan imej yang buruk terhadap Malaysia," kata Shuhaimi.

Dia berkata sebelum kelulusan penggambaran filem dibuat, perkara itu perlu dirujuk kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Penerangan dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas).

"Kejadian ini boleh dielakkan. Badan kerajaan ini boleh meneliti betul-betul skrip dan rangka cerita sesebuah filem itu sebelum ia dibenarkan membuat penggambaran di Malaysia.

"Kerajaan juga boleh meminta persetujuan daripada penerbit untuk tidak memaparkan imej negatif Malaysia dan ini dapat dilakukan dengan menandatangani perjanjian oleh pihak penerbit dan badan kerajaan terbabit," katanya.

(END)